
HARI SABTU, 28^{HB} APRIL, 1962

***1. Enche' Ng Ann Teck** bertanya kepada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat berapa jenis latehan pertukangan yang di-beri kepada orang sakit kusta.

***2. Enche' Ng Ann Teck** bertanya kepada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat berapa bilangan orang sakit kusta yang sudah baik dan bekerja dengan Kerajaan pada masa ini, tidak termasuk mereka yang bekerja dalam Kawasan Orang Sakit Kusta.

***3. Nik Man bin Nik Mohamed** bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat² Kerjasama ada-kah telah menjadi dasar Kementerian Pertanian bahawa dalam menjalankan ranchangan² pembangunan-nya, sa-berapa yang boleh, ranchangan² itu di-untukkan kepada pemborong² (contractors).
